

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**LALUAN KENDERAAN BERAT KE STESEN MINYAK
R&R TEMERLOH ARAH TIMUR DITUTUP TIGA HARI MULAI SELASA**

KUALA LUMPUR, 30 Ogos 2019 – Laluan kenderaan berat untuk ke stesen minyak di Kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Temerloh Arah Timur, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) akan ditutup tiga hari, mulai Selasa, 3 September 2019.

ANIH Berhad, pemegang konsesi LPT yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) dalam kenyataan hari ini berkata, penutupan sementara itu bertujuan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja menaiktaraf laluan keluar bagi kenderaan berat di kawasan R&R terbabit.

Penutupan selama tiga hari iaitu mulai 3 – 5 September ini hanya melibatkan laluan untuk kenderaan berat sahaja, manakala pengguna kenderaan ringan boleh mengakses ke stesen minyak seperti biasa.

Sepanjang kerja penyelenggaraan ini dijalankan semua gerai, kiosk dan kemudahan awam lain dibuka kepada pengguna seperti biasa.

Pengguna lebuhraya boleh mendapatkan maklumat lanjut dengan melayari laman sosial syarikat iaitu Twitter di @LPTTrafik dan Facebook Lebuhraya Pantai Timur untuk mengetahui maklumat rasmi perkembangan terkini mengenai fasiliti perkhidmatan dan kemaskini trafik di lebuhraya.

Tamat

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT meningkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajar, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajar@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my